

10 JAN 2002

Mahathir-Jepun

MALAYSIA BIMBANG KELEMBAPAN PEMULIHAN EKONOMI JEPUN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 10 Jan (Bernama) -- Malaysia hari ini melahirkan kebimbangan mengenai kelembapan pemulihan ekonomi Jepun.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata walaupun Jepun mengambil langkah untuk meningkatkan ekonominya, hasilnya sukar nampak setakat ini.

"Kami tahu kesungguhan kerajaan Tuan untuk melaksanakan pembaharuan ekonomi bertujuan memulihkan ekonomi dan berharap rancangan itu akan berhasil walaupun ia mengambil masa yang lama, kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis jamuan meraikan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi di kediaman beliau di sini malam ini.

Koizumi tiba hari ini untuk lawatan sehari dalam rangka lawatannya ke negara-negara Asean.

Dr Mahathir berkata Malaysia sentiasa menganggap Jepun sebagai rakan yang aktif dalam pembangunan ekonomi negara dan yakin Jepun akan mengekalkan perannya.

Beliau berkata pelabur Jepun terus memberi sumbangan kepada pembangunan industri pengeluaran di Malaysia.

Perdana Menteri menarik perhatian kepada teknologi Jepun yang mempermudah pembangunan industri Malaysia sementara institusi pengajian tinggi Jepun pula membantu dalam melatih sumber manusia negara.

"Bantuan kewangan Jepun membolehkannya kita meneruskan pembangunan kewangan terutama semasa krisis 1997. Malaysia menghargai sumbangan negara Tuan dan berharap Jepun akan terus memainkan yang aktif dalam pembangunan," kata beliau.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, dalam konteks pelaburan asing secara langsung, Japan kekal sebagai sumber yang penting bagi Malaysia.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2001, sebanyak 134 projek dengan pelaburan modal RM3.05 bilion diluluskan dan Jepun kekal sebagai pelabur asing kedua terbesar selepas Amerika Syarikat.

"Bagaimanapun, pembabitan syarikat-syarikat Jepun dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) agak terbatas. Kami berharap tahap pelaburan akan meningkat."

Mengenai perdagangan, Dr Mahathir berkata Jepun juga ialah rakan perdagangan Malaysia yang kedua penting, meliputi kira-kira 17 peratus daripada perdagangan global Malaysia.

Tahun lepas, 21 peratus daripada import Malaysia ialah dari Jepun dan 13 peratus daripada eksport Malaysia ialah ke Jepun, kata beliau.

"Kami berharap lebih banyak produk Malaysia akan memasuki pasaran Jepun," kata beliau.

Mengenai perkara lain, Dr Mahathir berkata, Malaysia diberitahu bahawa pelancong Jepun takut datang ke negara ini kerana Malaysia ialah sebuah negara Islam.

" Kami ialah sebuah negara Islam sejak merdeka dan ahli perniagaan dan pelancong Jepun telah datang ke sini. kami tidak berubah sedikit pun. Tidak ada sebab untuk takut," kata beliau.

Beliau juga meminta media Jepun yang mengenali Malaysia supaya membetulkan salah faham ini.

Beliau berkata pada 1982, Malaysia mengamalkan dasar Pandang Ke Timur sebagai sebahagian daripada strategi pembangunannya kerana yakin bahawa kebangkitan Jepun sebagai negara industri adalah disebabkan etika kerja dan

nilai-nilai murni yang diamalkan oleh tenaga pekerja Jepun.

Dr Mahathir berkata Malaysia kemudian membuat keputusan untuk meneghantar para pelajarnya ke Jepun dan sejak itu, 13,000 pelajar Malaysia telah melanjutkan pengajian tinggi di sana.

" Kami percaya bahawa Jepun akan bersedia menawarkan konsesi dan tempat bagi pelajar Malaysia di universiti dan institusi teknokal Jepun pada masa depan," kata beliau.

Beliau berkata kesan daripada serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept menyebabkan masyarakat antarabangsa mencari jalan bagaimana untuk menghalang serangan seumpama itu.

"Malaysia percaya bahawa sekalipun kita menghapuskan Taliban, tidak ada jaminan bahawa tidak akan berlaku tindakan keganasan pada masa depan. Satu-satunya cara ialah mengkaji punca masalah itu dan mengatasinya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata tidak syak lagi bahawa isu Palestin perlu diselesaikan jika dunia hendak menyekat pihak lain daripada bertindak sendiri dan membuat keputusan untuk melakukan tindakan ganas di dunia.

Pandangan dunia harus diambil kira dalam isu ini jika kita serius untuk menamatkan keganasan, kata beliau.

-- BERNAMA

SR HK FAZ